
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JTW 111 – PRINSIP PERAKAUNAN KEWANGAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

SOALAN 1 (25 markah)

Selamat Laju Enterprise (SLE) adalah merupakan sebuah perniagaan yang memberi perkhidmatan penerbangan kepada penumpang dan muatan di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Akaun-akaun dilaras dan ditutup setiap bulan. SLE masih menggunakan sistem perakaunan secara manual. Pada 31 Disember, 2004, baki akaun-akaun adalah seperti di bawah:

Akaun-akaun	RM
Tunai	18,700
Akaun Belum Terima	12,100
Sewa Pra-bayar	9,600
Insurans Pra-bayar	21,000
Pesawat	1,200,000
Susutnilai Berkumpul : Pesawat	360,000
Nota Belum Bayar	600,000
Hasil Belum Perolehi Penumpang	60,000
Modal, Datin Rafeah Mat	249,350
Ambilan, Datin Rafeah Mat	10,800
Hasil Muatan	234,750
Belanja Bahanapi	53,800
Belanja Gaji	100,500
Belanja Kendalian	19,100
Belanja Faedah	49,500
Belanja Sewa	4,800
Belanja Insurans	4,200

Maklumat lain:

- (i) Jumlah yang ditunjukkan sebagai Hasil Belum Perolehi Penumpang merupakan tiket-tiket yang dijual kepada penumpang untuk penerbangan yang belum mereka naiki. Dari jumlah dalam akaun bulan Disember, RM 41,710 telah pun diperolehi oleh SLE.
- (ii) Pesawat disusutnilaikan di atas kaedah garis lurus selama 10 tahun.
- (iii) Akruan faedah di atas Nota Belum Bayar berjumlah RM 4500 dan belum direkod. Faedah dibayar dalam masa 10 hari di akhir setiap bulan. RM 600,000 Nota Belum Bayar matang pada 30 Jun, 2007.
- (iv) Gaji Belum Bayar kakitangan berjumlah RM 2,800.

- (v) Sewa selama 3 bulan (RM 14,400) telah dibayar pada 1 hb. November 2004.
- (vi) Polisi insurans selama 12 bulan telah dibeli sebanyak RM 25,200 pada 1 hb. Oktober, 2004.
- (vii) Tiada catatan dibuat bagi merekod hasil sebanyak RM 5,200 diperolehi dari membawa muatan Express Tuju Sdn. Bhd. pada 30 Disember 2004. Bil telah dihantar dan Express Tuju Sdn. Bhd. diberi 14 hari kredit.
- (viii) Pengurus SLE, Tuan Haji Mansoor membisikkan kepada anda mengatakan yang beliau bercadang membeli sebuah pesawat yang lebih canggih berharga RM 2,000,000 selain daripada membeli sebuah kereta Sonata berharga RM 120,000 untuk diri beliau.
- (ix) Tuan Haji Mansoor memaklumkan kepada anda bahawa baru-baru ini SLE menerima surat daripada Hazrul Enterprise (iaitu salah satu pelanggan SLE) memberitahu bahawa perniagaannya telah bankrap dan tidak mampu membayar hutang sebanyak RM 4,300. Selama ini SLE tidak pernah membuat peruntukan hutang lapuk.
- (x) Tuan Haji Mansoor juga telah memaklumkan kepada anda bahawa pemandu beliau, Pak Mat memenangi Proton Waja berharga RM 65,000 daripada cabutan sijil premium Bank Simpanan Nasional pada 30 Disember 2004.

DIKEHENDAKI:

- (a) Oleh kerana eksekutif akaun SLE sedang cuti bersalin, Datin Rafeah telah mengambil firma perakaunan anda untuk menyemak rekod-rekod perakaunan dan seterusnya menutup akaun SLE bagi tahun berakhir 31 Disember, 2004. Walaupun surat penawaran (engagement letter) secara rasmi belum dikeluarkan, Datin Rafeah telah mempersetujui yuran perakaunan sebanyak RM 3,000. Sebagai langkah pertama, anda perlu menyediakan catatan pelarasan (bagi yang berkenaan)

(9 markah)
- (b) Tunjukkan akaun T bagi semua akaun sementara, rekod baki dan poskan semua catatan pelarasan ke akaun-akaun sementara yang terlibat.

(6.5 markah)
- (c) Sediakan catatan penutupan dan tutup semua akaun sementara ke akaun untung-rugi. Tunjukkan juga akaun T bagi akaun untung-rugi dan akaun modal serta tutup akaun untung rugi ke akaun modal.

(5.5 markah)

(d) Terangkan dengan jelas DUA daripada prinsip-prinsip perakaunan berikut:

- (i) Andaian usaha berterusan
- (ii) Konsep entiti berasingan
- (iii) Asas akrual
- (iv) Prinsip pepadanan

(4 markah)

SOALAN 2 (15 markah)

(i) TBK Maju Sdn. Bhd. (TBK) adalah merupakan sebuah syarikat yang membekalkan sejenis baja kompos yang bernama PK-MIX. Pada 1hb. Januari 2005 TBK mempunyai stok PK-MIX sebanyak 1060 kg. dan mengikut rekod inventori, keseluruhan stok tersebut merupakan baki inventori daripada satu pembelian yang dibuat dalam bulan November, 2004. Nilai stok yang ditunjukkan di dalam kunci kira-kira TBK seperti pada 31 Disember, 2004 adalah sebanyak RM 1272.

Semua urusanniaga yang berkaitan dengan inventori PK-MIX dalam bulan Januari 2005 adalah seperti berikut:

- 10 Januari : Beli sebanyak 5000 kg pada harga RM 1.30 sekg.
- 12 Januari : Jual sebanyak 2500 kg pada harga RM 4.50 sekg.
- 25 Januari : Beli sebanyak 3000 kg pada harga RM 1.35 sekg.

Andaikan TBK menggunakan sistem inventori berterusan.

DIKEHENDAKI:

Kira kos barang dijual bagi jualan PK-MIX pada 12 Januari dan inventori akhir (RM) pada 31 Januari 2005 mengikut andaian aliran kos MDKD (Masuk Dulu Keluar Dulu), MKKD (Masuk Kemudian Keluar Dulu) dan Kos Purata.

(12 markah)

(ii) Mengapakah mustahaknya sesebuah syarikat untuk mempunyai suatu sistem kawalan dalaman? Beri dua contoh kawalan dalaman bagi mengawal aset syarikat.

(3 markah)

SOALAN 3 (18 markah)

Puan Anjali dan Encik Rahul merupakan rakan kongsi dalam sebuah perniagaan, Anjali dan Rakan-rakan. Mereka telah bersetuju untuk mengagihkan untung atau rugi sama rata. Pada 31 Disember, 2004 akaun-akaun bagi perniagaan Anjali dan Rakan-rakan mempunyai baki seperti berikut:

Akaun-akaun	RM
Overdraf Bank	25,010
Tunai	3,510
Akaun Belum Terima	16,700
Peralatan Pejabat	18,000
Susutnilai Berkumpul: Peralatan Pejabat	7,200
Kenderaan	80,000
Susutnilai Berkumpul Kenderaan	16,000
Hasil Yuran Perkhidmatan	55,400
Belanja Faedah	2,150
Belanja Sewa	21,600
Belanja Gaji pekerja	10,700
Belanja Utiliti	1,500
Akaun Semasa Pada 31 Disember, 2003	
Anjali (baki kredit)	15,300
Rahul (baki kredit)	10,250
Akaun Modal:	
Anjali	20,000
Rahul	20,000
Ambilan:	
Anjali	10,000
Rahul	5,000

Maklumat lain:

- (i) Susutnilai Peralatan Pejabat dan Kenderaan adalah pada kadar 20% setahun mengikut *kaedah garis lurus*.

- (ii) Perkara-perkara berikut juga telah dipersetujui di dalam perjanjian perkongsian Anjali dan Rakan-rakan.
- Anjali akan menerima gaji sebanyak RM 10,000 setahun.
 - Setiap pekongsi akan menerima faedah atas modal masing-masing sebanyak 10% setahun.
 - Sebarang ambilan akan dikenakan faedah sebanyak 5% setahun.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Catatan bergu bagi setiap pelarasan yang diperlukan. (4 markah)
- (b) Penyata pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember, 2004. (3 markah)
- (c) Akaun Perasingan bagi tahun berakhir 31 Disember, 2004. (4 markah)
- (d) Akaun Semasa Anjali dan Akaun Semasa Rahul pada 31 Disember, 2004. (3 markah)
- (e) Kunci Kira-Kira seperti pada 31 Disember, 2004. (4 markah)

SOALAN 4 (22 markah)

Servis Ekspres Sdn. Bhd. baru sahaja selesai mengemaskini akaun-akaunnya bagi tahun berakhir 31 Disember, 2004. Semua pelarasan yang perlu telahpun dibuat dan timbangan duga tidak terselaras dan timbangan duga terselaras juga telah disediakan. Kedua-dua timbangan duga tersebut adalah seperti berikut:

	Sebelum Pelarasan		Selepas Pelarasan	
	Debit	Kredit	Debit	Kredit
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
Tunai	16,470		16,470	
Simpanan Tetap	30,000		30,000	
Akaun Belum Terima	19,130		19,130	
Insuran Pra Bayar (bayar dulu)	1,740		1,305	
Bekalan	1,008		446	
Faedah Belum Terima			975	
Bangunan	220,000		220,000	
Susutnilai Berkumpul: Bangunan		22,000		26,400
Peralatan Pejabat	26,000		26,000	
Susutnilai Berkumpul: Peralatan Pejabat		15,600		20,800
Kenderaan	80,000		80,000	
Susutnilai Berkumpul: Kenderaan		16,000		32,000
Yuran Perkhidmatan Belum Perolehi				2,500
Akaun Belum Bayar		14,723		14,723
Peruntukan Hutang Lapuk		910		1,913
Pinjaman Jangka Panjang		150,000		150,000
Faedah Belum Bayar				7,500
Utiliti Belum Bayar				200
Hasil Perkhidmatan Pengangkutan		3,600		3,600
Hasil Yuran Perkhidmatan		38,300		35,800
Hasil Perkhidmatan Pengurusan		51,500		51,500
Faedah Atas Simpanan Tetap				975
Belanja Susutnilai – Bangunan			4,400	
Belanja Susutnilai – Peralatan Pejabat			5,200	
Belanja Susutnilai – Kenderaan			16,000	
Belanja Bekalan			562	
Belanja Pembaikan	857		857	
Belanja gaji	51,890		51,890	
Belanja Utiliti	2,260		2,460	
Belanja Faedah			7,500	
Belanja Insurans			435	
Belanja Hutang Lapuk			1,003	
Saham Biasa		100,000		100,000
Perolehan Tertahan – 31 Disember 2003		51,722		51,722
Dividen	15,000		15,000	
	464,355	464,355	499,633	499,633

DIKEHENDAKI:

- (a) Sediakan catatan pelarasan pada 31 Disember, 2004, lengkap dengan penerangan kepada catatan. Tiada akaun yang terlibat dengan lebih daripada satu catatan pelarasan.
(8 markah)
- (b) Sediakan Penyata Pendapatan dan Penyata Perolehan Tertahan bagi tahun berakhir 31 Disember, 2004.
(7 markah)
- (c) Sediakan Kunci Kira-Kira seperti pada 31 Disember, 2004. Kunci Kira-Kira perlu dibentangkan dengan elok dan kemas mengikut klasifikasi yang betul.
(7 markah)

SOALAN 5 (20 markah)

Butir-butir berikut telah dipetik daripada penyata kewangan PXX Bersatu Berhad pada 30 Jun, 2004:

	2004 <u>RM Juta</u>	2003 <u>RM Juta</u>
Hasil Jualan	860	807
Kos Barang Dijual	510	498
Hasil Faedah	4	0
Belanja Faedah	24	15
Belanja Jualan	126	118
Belanja Pengurusan	121	131
Keuntungan Sebelum Cukai	83	45
Keuntungan Bersih	58	32
	<u> </u>	<u> </u>
Tunai	29	32
Akaun Belum Terima	104	85
Barangniaga	113	111
Belanja Pra-bayar	6	8
Pelaburan Jangka panjang	18	9
Aset Tetap	<u>517</u>	<u>399</u>
Jumlah Aset	<u>787</u>	<u>644</u>
Akaun Belum Bayar	83	68
Nota Belum Bayar	52	27
Belanja Terakru	27	31
Liabiliti Jangka panjang	247	198
Saham Biasa	200	200
Perolehan Tertahan	178	120

- (a) Sediakan analisis melintang untuk hasil jualan dan untung bersih bagi tahun 2004 dengan menggunakan tahunan 2003 sebagai tahun asas (hampirkan kepada 2 titik perpuluhan).

(2 markah)

- (b) Kumpulan butir-butir yang diberi mengikut klasifikasi aset semasa, aset tetap, liabiliti semasa dan sebagainya dan sediakan analisis menegak terhadap kunci kira-kira kedua-dua tahun 2004 dan 2003.

(3 markah)

- (c) Kira nisbah-nisbah perakaunan berikut bagi kedua-dua tahun 2004 dan 2003 [purata industri diberikan untuk kegunaan soalan (e) dibawah].

	<u>Purata Industri</u>
(i) Margin Untung Bersih	5 %
(ii) Kadar Pulangan ke atas Aset	8 %
(iii) Kadar Pulangan ke atas Ekuiti	9 %
(iv) Nisbah Semasa	1.8
(v) Nisbah Cepat (Ujian Asid)	0.6
(vi) Nisbah Hutang	0.6
(vii) Nisbah Kadar-Faedah-Keuntungan (Interest Coverage Ratio)	2 kali

(7 markah)

- (d) Saham Syarikat terdiri daripada 200 juta saham biasa pada RM 1.00 setiap saham dan harga pasaran bagi saham PXX Bersatu Berhad sekarang adalah RM 5.80 sesaham berbanding RM 4.50 pada tahun lepas. Berdasarkan maklumat ini, anda dikehendaki mengira nisbah-nisbah berikut bagi kedua-dua tahun 2004 dan 2003.

- (i) Perolehan Sesaham (Earnings per share)
(ii) Nisbah Harga-Keuntungan (PE ratio)
(iii) Nilai Buku Sesaham

(3 markah)

- (e) Daripada jawapan anda bagi soalan-soalan di atas, jelaskan apa yang dapat digambarkan oleh nisbah-nisbah tersebut dan beri pandangan anda tentang keuntungan, kecairan dan kehutangan syarikat serta prestasi syarikat berbanding tahun 2003 dan purata industri. Penjelasan anda hendaklah merujuk kepada nisbah-nisbah yang berkenaan. Seterusnya, beri pandangan anda tentang potensi syarikat tersebut dari segi pelaburan.

(5 markah)